

## SIARAN MEDIA

### RIBUT TROPIKA JANGMI DICERAP

(Dikeluarkan pada jam 1830, 30 Disember 2014)

Ribut Tropika JANGMI telah dicerap pada jam 1400, 30 Disember 2014. Ribut Tropika ini boleh menyebabkan hujan sekejap-sekejap dari sederhana ke lebat di Sabah (Sandakan, Kudat, Pantai Barat dan Pedalaman), W.P Labuan dan Sarawak (Miri dan Bintulu).

Dalam masa yang sama angin kencang selaju 50 – 60 kmsj dengan ombak setinggi 4.5 meter boleh berlaku di Perairan Sabah (Sandakan, Kudat, Pantai Barat dan Pedalaman), W.P Labuan dan Sarawak (Miri dan Bintulu). Keadaan ini berbahaya kepada semua aktiviti perkapalan dan pantai termasuk menangkap ikan dan perkhidmatan feri.

Mengikut cerapan pada jam 1400, Ribut Tropika JANGMI ini berada pada kedudukan  $10.2^{\circ}$  Utara dan  $121.6^{\circ}$  Timur. Jarak paling hampir dengan bandar di Malaysia ialah 621 km ke Timur Laut Sandakan. Ianya sedang bergerak ke arah Barat dengan kelajuan 20 kmsj. Ianya dijangka bergerak ke arah Barat-Barat Daya dalam tempoh 24 jam akan datang dan berkedudukan pada  $8.4^{\circ}$  Utara dan  $115.3^{\circ}$  Timur iaitu 235 km ke Barat Laut Kudat.

MetMalaysia akan mengemaskini maklumat berkenaan Ribut Tropika tersebut setiap 3 jam di lama sesawang MetMalaysia ([www.met.gov.my](http://www.met.gov.my)). Orang ramai juga boleh mendapatkan maklumat cuaca terkini melalui talian *hotline* 1-300-22-1638 dan laman sosial MetMalaysia di [facebook](https://www.facebook.com/malaysiamet) atau [twitter](https://twitter.com/malaysiamet)

Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia)  
Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi  
30 Disember 2014